

Kes jenayah bimbangkan peniaga

KAJANG – Kes ragut dan kecurian yang semakin meningkat tanpa mengira waktu sekitar Semenyih Sentral kini semakin membimbangkan peniaga sekitar dan pengunjung.

Seorang mangsa, Pengurus Butik Avon di Semenyih Sentral, Normah Hashim berkata, bulan lalu pernah berlaku insiden ketika pekerjaanya sedang menutup pintu kedai utama.

Menurutnya, ketika sedang menutup pintu datang dua pemuda Melayu merepuh masuk ke butik mereka dan dua pekerja turut ditarik ke dalam serta memaksa mereka untuk menyerahkan wang tunai.

“Kerugian yang dialami hampir mencecah RM5,000 dan ia adalah kejadian pertama berlaku di butik ini



● Johan (tengah) turun padang bagi meninjau lokasi didakwa peniaga sering berlaku kes kecurian sekitar Semenyih Sentral.

tetapi kes sebegini kerap berlaku di Semenyih Sentral,” katanya kepada *Sinar Harian* ketika ditemui di sini.

Hadir sama, Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN) Semenyih, Johan Abd Aziz dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kampung

Baru Semenyih, Koh Ah See.

Seorang lagi mangsa, Chen Fong Moi berkata, dia turut menjadi mangsa ketika sedang menjalani rawatan rambut di sebuah

salon di situ dan ketika itu hanya terdapat enam pelanggan termasuk dirinya.

Fong Moi berkata, ketika itu datang dua lelaki ke salon itu dan berpura-pura bertanya sama ada terdapat seorang budak perempuan datang ke salon itu

dan kemudian bertindak kasar dengan menggunakan senjata dibawanya.

“Mereka bergerak secara berpasukan di mana ada antara mereka yang mengawal di tangga supaya dapat memberitahu mengenai kedatangan sesiapa sahaja dan kejadian itu tidak disedari sesiapa.

“Mereka datang ke salon itu dengan memakai helmet, jaket dan bersenjatakan parang

manakala saya telah kerugian hampir RM4,000 berikutan telefon bimbit, wang tunai, kad kredit dan segala dokumen peribadi diambil,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi MCA Cawangan Beranang, Law Kok Tian berkata, semua peniaga di Semenyih Sentral

perlu menubuhkan persatuan penjaja supaya mereka mempunyai badan yang membolehkan mereka melaporkan setiap masalah.

“Berikutan kes kecurian yang berlaku di sini tidak mengira waktu dan jika mempunyai pertubuhan maka kebajikan dan permasalahan mereka akan lebih terjamin dan ia boleh disalurkan kepada pihak berkenaan,” katanya.

RM5,000
RM4,000